

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

PADA

OGOS 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PUAN ZURAIDA BINTI SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Ogos 2015 ini.

HARI KEMERDEKAAN DAN UCAPAN TAHNIAH

2. Pertama, saya mewakili seluruh warga Lembaga Lebuhraya Malaysia mengucapkan selamat menyambut hari kemerdekaan Malaysia yang ke-58.

Tema “Sehati Sejiwa” perlu dijiwai oleh kita semua kerana ianya bakal melahirkan kekuatan ekonomi negara, semangat perpaduan tanpa huru-hara atau semangat curiga-mencurigai antara satu sama lain. Konsep sehati sejiwa, kebersamaan dan toleransi ini sangat besar untuk diamalkan dalam negara berbilang kaum. Ia menjadi kunci kepada keharmonian dan kemajuan ekonomi penduduk sesebuah negara itu. Semoga kita dapat mengekalkan kemerdekaan ini dengan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara. Kemerdekaan yang dimaksud bukan hanya merdeka secara fizikal sahaja, tetapi termasuklah merdeka secara mentaliti atau pemikiran dan spiritual.

3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **kumpulan ‘Quake’ daripada Pejabat Wilayah Tengah**, atas pencapaian dalam

merangkul **anugerah Perak** dalam Konvesyen Team Excellence 2015, peringkat wilayah selatan yang dianjurkan pada 12 Ogos yang lalu oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia. Tahniah juga diucapkan kepada **Kumpulan Juragan daripada Pejabat Wilayah Selatan** yang telah memenangi **anugerah Emas** Konvesyen Team Excellence 2015, peringkat wilayah Utara. Saya berharap pencapaian seperti ini dapat menyuntik semangat kepada 5 kumpulan yang akan bertanding di Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif peringkat LLM pada 9 hingga 10 September 2015.

4. Sempena hari Kemerdekaan ini juga 11 syarikat konsesi telah bersetuju untuk memberikan rebat,diskaun tol atau kad touch n go percuma bagi pengguna lebuhraya. Rebat dan diskaun tol ini merupakan usaha kita secara tidak langsung dalam memastikan syarikat konsesi dapat memberi sumbangan kepada rakyat. Kita perlu berbangga kerana menjadi sebahagian daripada sambutan yang sungguh bermakna ini dan menjadi harapan kami agar pemberian ini akan menyemai semangat patriotik terhadap negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KESAN PENURUNAN NILAI MATA WANG

5. Jika kita lihat pada keadaan semasa, banyak perkara yang terjadi baru-baru ini. Salah satu isu yang mendapat perhatian orang ramai ialah penurunan nilai mata wang. Hal ini tercetus pada awal tahun ini dan muncul kembali pada awal bulan Ogos apabila nilai matawang ringgit jatuh paras rendah berbanding dolar AS. Ini pertama kali terjadi sejak krisis kewangan Asia pada 17 tahun lepas dan dia. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada sistem ekonomi negara serta rakyat baik dari sisi positif atau negatif.

6. Dari sudut pandang positif, ia memberi keuntungan bagi syarikat atau pihak yang lebih banyak bergantung kepada banyak input yang diimport, mereka akan menerima kesan daripada kejatuhan ringgit. Tetapi sebaliknya, kesan terhadap kos sara hidup, inflasi diimport dan kesan kepada pengimport dan pengeksport pasti terjejas. Peniaga yang berniaga di sempadan Thailand dan Singapura, sedia maklumi penguncupan nilai wang kita. Yang menghantar wang kepada anak-anak yang belajar di luar negara juga merasakan kesan negatif terhadap penurunan nilai Ringgit. Jadi, apa yang dapat saya sampaikan adalah kita sebagai pengguna haruslah bijak dalam mengurus kewangan kita dan juga mewujudkan suasana yang harmoni antara sesama kerana ia terkait dengan keadaan politik dan sosioekonomi yang tidak stabil dapat menyumbang kepada penyusutan mata wang ringgit.

KEADAAN CUACA

7. Selain itu, baru-baru ini juga Malaysia mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu. Ada kawasan yang terjejas akibat ribut petir, hujan lebat dan angin kencang. Situasi seperti ini dapat mempengaruhi keadaan lebuhraya termasuklah alat-alat lebuhraya seperti tiang lampu, 'sign board' dan lain-lain yang mungkin akan terjejas. Jadi, kita sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan lebuhraya haruslah mengambil sikap 'proactive' atau berjaga-jaga untuk mengatasi setiap kemungkinan yang akan berlaku terhadap keadaan lebuhraya demi mengekalkan lebuhraya yang selamat kepada pengguna.

8. Tidak lupa juga pada aspek kesihatan. Cuaca yang tak menentu juga dapat mempengaruhi kesihatan kita. Jadi, saya ingin berpesan kepada semua agar menjaga kesihatan dengan minum air masak yang mencukupi, kawal pemakanan, dan amalkan aktiviti sihat. LLM telah menyediakan fasiliti sukan yang mencukupi, jadi gunakan sebaik mungkin untuk kekal sihat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MOTIVASI PEKERJA

9. Selain menerapkan prinsip Merakyatkan Perkhidmatan Awam dalam cara kita bekerja, faktor inklusif juga memainkan peranan penting sebagai motivasi individu dalam melaksanakan tugas. 'D.R.E.A.M' ialah salah satu prinsip yang boleh diterapkan oleh warga LLM sebagai motivasi bekerja secara efektif. 'D.R.E.A.M' ialah akronim dari kata, Dedication, Responsibility, Education, Attitude dan Motivation.

10. Pertama, kita haruslah berdedikasi dalam melaksanakan setiap tugas agar tidak merasa terbeban. Kedua, 'responsibility' atau sikap bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan supaya terhindar dari kecuaiian dalam melaksanakan tugas. Ketiga, 'education'. Ia bermaksud menjadikan suasana kerja sebagai proses belajar untuk meningkatkan mutu kerja dari semasa ke semasa. Selanjutnya, 'attitude' atau sikap yang baik amatlah penting dalam menjaga keharmonian persekitaran. Dan akhir sekali, 'motivation' adalah elemen penting bagi setiap individu untuk dijadikan pemicu semangat untuk bertugas, contohnya menjadikan seseorang tokoh sebagai mentor dalam bekerjaya sebagai motivasi untuk mencapai prestasi kerja yang terbaik.

PENUTUP

11. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.